

**DASAR KEBEBASAN AKADEMIK
DAN KECEMERLANGAN PROFESIONAL
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Diluluskan oleh:
Mesyuarat Senat kali Ke-106 Bil. 6/2014,
pada 21 Mei 2014

DASAR KEBEbasAN AKADEMIK DAN KECEMERLANGAN PROFESIONAL UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 OBJEKTIF

Dasar Kebebasan Akademik dan Kecemerlangan Profesional ini bertujuan untuk melindungi kebebasan pengajaran, kebebasan penyelidikan dan kebebasan ekspresi serta penerbitan di kalangan staf akademik dan penyelidik universiti. Dasar ini membolehkan universiti menerajui pembangunan modal insan dan teknologi inovatif yang menyumbang ke arah penerokaan ilmu dan penjanaan kekayaan negara. Kebebasan akademik ini menjangkau semua aktiviti pengajaran, penyelidikan dan kesarjanaan diukur dengan merujuk kepada standard profesional bagi mengekalkan hasrat universiti untuk mencapai kecemerlangan akademik.

2.0 SKOP

Polisi ini terpakai kepada semua staf akademik dan penyelidik yang dilantik oleh Universiti

3.0 TAKRIF

Dalam dasar ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki maksud sebaliknya :

“Staf Akademik” bermaksud seseorang yang dilantik menjadi pengajar di Universiti termasuklah Profesor Kanan, Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah, Jurutera Pengajar, Guru Bahasa dan Tutor.

“Penyelidik” bermaksud seseorang yang dilantik menjadi penyelidik di Universiti termasuklah Pasca-Kedoktoran, Pegawai Penyelidik dan Pembantu Penyelidik

“Etika” bermaksud nilai-nilai murni yang ditetapkan sebagai pegangan diri bagi melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan betul dan berkesan. Dalam takrifan lain, ia merujuk kepada norma tingkahlaku yang mampu membezakan antara amalan yang boleh diterima dengan amalan yang tidak boleh diterima dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penyeliaan yang boleh menjaskan reputasi organisasi dan kerja.

4.0 KANDUNGAN

UMP sentiasa komited untuk menegakkan dan memelihara kebebasan akademik dan kecemerlangan profesional di kalangan staf akademik dan penyelidik. Prinsip ini adalah selari dengan Nilai Teras dan Objektif UMP bagi melahirkan modal insan yang berbudaya kerja cemerlang. Dasar ini perlu bagi memastikan staf akademik dan penyelidik mempunyai kebebasan menyebarkan ilmu pengetahuan dalam bidang kepakaran masing-masing kepada masyarakat.

4.1 Kebebasan Akademik

- 4.1.1 Staf akademik dan penyelidik bebas untuk menjalankan aktiviti kesarjanaan melalui pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan perkhidmatan masyarakat secara beretika selaras dengan nilai teras integriti akademik bagi memenuhi tanggungjawab sebagai warganegara seperti yang tertulis dalam Undang-undang Malaysia.
- 4.1.2 Staf akademik bebas untuk membincangkan dalam bilik kuliah dengan kaedah mereka sendiri, segala bahan yang relevan dengan kursus yang diajar seperti tercatat di dalam hasil pembelajaran kursus.
- 4.1.3 Staf akademik dan penyelidik bebas meneroka dan mengembangkan bidang ilmu dan berkongsi hasil penyelidikan dalam bentuk penerbitan dan harta intelek.
- 4.1.4 Staf akademik dan penyelidik bebas mengeluarkan pandangan dan berkongsi kepakaran dalam bidang masing-masing untuk kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara.
- 4.1.5 Staf akademik bebas untuk mencadangkan penambahbaikan polisi akademik dan universiti dengan menggunakan pendekatan yang aman, betul daripada sudut etika dan integriti serta sah di sisi undang-undang.

4.2 Kecemerlangan Profesional

- 4.2.1 Staf akademik yang dilantik oleh universiti hendaklah memberi keutamaan terlebih dahulu kepada Pengajaran & Pembelajaran (P&P) berbanding dengan aktiviti yang lain. Beban tugas P&P pensyarah hendaklah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh universiti.

Dalam menguruskan beban pengajaran dan penyeliaan, universiti bertanggungjawab untuk melaksanakan (jika bersesuaian) untuk:

- a) Memberi insentif yang sewajarnya berupa kewangan kepada staf yang mengajar lebih daripada jumlah beban tugas yang dipersetujui seperti yang dipersetujui dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT).
 - b) Mengambilkira projek ilmiah pra-siswazah dalam pengiraan beban kredit penyeliaan pensyarah.
- 4.2.2 Universiti akan menyediakan kemudahan yang bersesuaian kepada staf akademik dan penyelidik menyertai program/kursus yang dipersetujui selaras dengan kelayakan masing-masing.
- 4.2.3 Staf akademik baharu wajib untuk mengikuti kursus Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dan kursus Penyelidikan & Penerbitan anjuran universiti dalam tempoh percubaan. Ini akan membantu mereka untuk mempersiapkan diri dalam bidang Pengajaran dan Pembelajaran serta Penyelidikan dan Penerbitan. Tumpuan perlu difokuskan kepada jurnal yang berindeks dan berimpak tinggi.
- 4.2.4 Ketua Jabatan di fakulti perlu mengenalpasti ahli akademik yang wajar dipertimbangkan untuk menyertai program latihan bagi pembangunan karier mereka. Ketua Jabatan juga perlu peka dengan status kehadiran staf menyertai latihan sebagaimana kehendak kakitangan kerajaan iaitu empat puluh (40) jam setahun atau tujuh (7) hari seperti ditetapkan kepada penjawat awam.
- 4.2.5 Staf akademik dan penyelidik yang mengikuti kursus berimpak tinggi dan mengenakan yuran yang mahal anjuran universiti atau pihak luar diwajibkan untuk membuat laporan bertulis yang akan dikongsikan dengan staf akademik yang lain bagi manfaat secara bersama. Proses ini melibatkan kerjasama Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JPI) dan Perpustakaan.
- 4.2.6 Program-program kecemerlangan profesional universiti merangkumi:
- a) Membentangkan kertas kerja dalam persidangan antarabangsa

- b) Menghadiri seminar/bengkel yang diiktiraf untuk meningkatkan tahap kecemerlangan dalam bidang masing-masing
- c) Kursus jangka pendek dalam bidang masing-masing
- d) Lawatan kerja ke industri
- e) Program sangkutan
- f) Program khas (program sangkutan-*attachment* program)
 - i. Staf akademik yang baharu memulakan perkhidmatan akan diberi keutamaan dan peluang untuk mempertingkatkan jaringan antarabangsa, mutu pengajaran & pembelajaran serta penyelidikan melalui sangkutan di Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara.
 - ii. Staf akademik perlu memaklumkan perancangan mereka sekurang-kurangnya setahun lebih awal sebelum program dilaksanakan

5.0 AM

- a) UMP berhak untuk mengubah polisi ini dari masa ke semasa.
- b) Pelaksanaan dasar ini juga akan tertakluk kepada Kod Etika Amalan Akademik UMP.
- c) Sebarang pelanggaran dasar dan peraturan oleh mana-mana pihak akan dikenakan tindakan berdasarkan kepada pelanggaran mengikut undang-undang yang berkaitan.
- d) Fakulti berhak memperincikan kaedah dasar ini diamalkan selagi tidak bertentangan dengan mana-mana undang-undang yang berkaitan.

RUJUKAN

Buku

1. Perlembagaan UMP
2. Statut UMP

Lain-Lain

1. Dasar Perkembangan Profesional Ahli Akademik, UKM
2. Dasar Kebebasan Akademik & Kecemerlangan Profesional, UTM
3. Dasar Pengajaran & Pembelajaran, UPM